



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI PERKUKUH KOLABORASI DAN KERJASAMA BAGI MEMACU PEMBANGUNAN TEKNOLOGI YANG INKLUSIF DALAM EKONOMI MADANI

SELANGOR, 21 Januari 2025 – Dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2025, YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Tuan Chang Lih Kang, mengumumkan hala tuju strategik kementerian bagi tahun 2025. Berpegang kepada pendekatan *Whole of Government Approach* dalam pentadbiran Malaysia MADANI, MOSTI menegaskan peranannya sebagai **kolaborator** dalam memacu pembangunan dan penerimgunaan teknologi dan inovasi ke arah meningkatkan rantai nilai ekonomi negara.

Justeru, tumpuan akan diberikan kepada sektor-sektor strategik seperti kecerdasan buatan (AI), unsur nadir bumi (REE), dan teknologi hijau, dengan matlamat menarik pelaburan antarabangsa dan membangunkan teknologi mampan yang mampu menangani cabaran global seperti perubahan iklim dan keterjaminan makanan. Usaha ini diperkukuh melalui peningkatan pelaburan R&D sektor swasta untuk mewujudkan ekosistem inovasi yang mampan, kompetitif, dan sejajar dengan aspirasi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

MOSTI juga komited memastikan inovasi memberi manfaat langsung kepada rakyat melalui pelaksanaan inisiatif seperti Kampung Angkat MADANI, yang membawa solusi teknologi ke kawasan luar bandar. Pada masa yang sama, strategi komunikasi yang lebih proaktif akan diusahakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sains, teknologi, dan inovasi (STI) dalam kehidupan seharian. Langkah ini turut merangkumi pembangunan bakat masa depan melalui program-program di universiti, di samping merapatkan jurang antara keperluan industri dengan penawaran bakat tempatan.

Dalam memastikan keberkesanan perkhidmatan, MOSTI akan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan pengurusan dan penyelarasan sektor STI secara menyeluruh. Portal-portal sedia ada akan diperkemas untuk memaparkan perkembangan sektor STI

secara *real-time*, manakala pengurusan dana R&D akan ditambah baik bagi meningkatkan penyertaan dan impak. Selain itu, MOSTI akan menggunakan kedudukan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN tahun ini untuk mengukuhkan kerjasama serantau, menarik pelaburan global, dan menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi ASEAN.

“Demi kesan yang menyeluruh, MOSTI akan memastikan setiap inisiatif dirancang dan dilaksanakan melalui pendekatan yang melibatkan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi. Hanya dengan perpaduan usaha, kita dapat memanfaatkan sepenuhnya teknologi untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara,” tegas YB Menteri.

MOSTI menyeru semua pihak, termasuk sektor swasta, akademik, dan masyarakat sivil, untuk bersama-sama mendukung usaha ini demi mencapai visi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

Dalam perkembangan lain, YB Chang turut mengumumkan pembukaan **Inisiatif Penajaan Program STEM Camp MOSTI 2025** bermula **20 Januari hingga 20 Februari 2025**. Berdasarkan kejayaan pelaksanaan **47 Program STEM Camp pada tahun 2024**, tajaan sehingga **RM15,000** akan ditawarkan kepada pemohon yang layak untuk melaksanakan program STEM interaktif, praktikal, dan demonstratif bersama pelajar serta belia. **Kitaran 1** akan memfokuskan program antara **Mac hingga Mei 2025** dengan penekanan kepada prinsip MADANI 'Inklusiviti', memberi peluang kepada pelajar tanpa mengira latar belakang, termasuk komuniti pedalaman, OKU, dan orang asli.

Untuk maklumat lanjut dan syarat permohonan, sila layari laman web rasmi MOSTI atau imbas Kod QR yang disediakan.



[https://drive.google.com/drive/folders/1AgC9y0PvJVtPIWwdLlj_iuWYbST-Znna?usp=drive link](https://drive.google.com/drive/folders/1AgC9y0PvJVtPIWwdLlj_iuWYbST-Znna?usp=drive_link)

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 Januari 2025